

DAP dakwa produk 1Malaysia berkualiti rendah
Malaysiakini.com
November 14 ,2011
by S Pathmawathy

Selepas mendakwa, Kedai Rakyat Malaysia (KR1M) menjual produk pada harga yang tidak semurah seperti dikatakan, ahli parlimen DAP, Tony Pua mendakwa barang yang dipasarkan itu juga mempunyai label yang “meragukan”.

Menurut Pua (DAP- Petaling Jaya), unit penguatkuasaan Kementerian Kesihatan perlu bertindak kerana ini bercanggahan dengan Akta Makanan 1983.

Pada sidang akhbaranya di lobi Parlimen, Pua menunjukkan beberapa botol sos tiram bagi membuktikan dakwaannya itu.

"Saya ada tiga jenama di sini - satu daripada KR1M, satu oleh jenama terkenal yang dihasilkan oleh Lee Kum Kee dan satu lagi jenama Tesco.

"Kedua-dua label sos tiram Lee Kum Kee dan Tesco menyatakan bahan bahan yang digunakan adalah dari ekstrak tiram... sos KR1M pula menyatakan ia diperbuat daripada perisa tiram," katanya.

Katanya, juga beberapa produk 1Malaysia juga mempunyai kualiti yang rendah.

Copyright © 1999-2011 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/181321>